

Zakat usahawan dan peniaga gerakkan ekonomi ummah, negara



Oleh Muzar Prof Madya
Dr Mohd Adib Abd Muin
bhagama@bh.com.my

Pensyarah Universiti
di Pusat Pengajian
Perniagaan Islam
(IBS), Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Menjelang penghujung Disember, umat Islam khususnya usahawan dan peniaga Muslim wajar mengambil ruang untuk bermuhasabah, menilai semula pencapaian perniagaan, keberkatan rezeki serta tanggungjawab sosial dan agama yang ditunaikan sepanjang tahun.

Dalam konteks ini, pelaksanaan zakat perniagaan bukan sekadar kewajipan syarak, malah menjadi manifestasi keimanan, kesyukuran dan komitmen terhadap kesejahteraan ummah.

Zakat menjadi satu daripada lima Rukun Islam yang wajib ditunaikan setiap Muslim yang memenuhi syarat. Hal ini kerana ia berfungsi sebagai mekanisme penyucian harta dan jiwa serta instrumen keadilan sosial yang amat signifikan dalam ekosistem ekonomi Islam.

Firman Allah SWT: "Dan dirikanlah solat serta tunaikanlah zakat dan taatilah Rasul, agar kamu beroleh rahmat." (Al-Nur: 56)

Ayat ini jelas menegaskan zakat bukan sekadar ibadah bersifat ritual, tetapi suatu perintah ilahi yang membawa rahmat dan keberkatan kepada individu serta masyarakat secara keseluruhan.

Apabila Rasulullah SAW mengutuskan Mu'az Ibnu Jabal RA ke Yaman, Baginda bersabda: "Khabarkanlah kepada mereka bahawa Allah SWT telah mewajibkan zakat ke atas mereka, yang diambil daripada orang kaya dan diberikan kepada orang fakir miskin dalam kalangan mereka." (Hadis riwayat Bukhari).

Imbangi agihan kekayaan

Hadis ini memperlihatkan peranan strategik zakat dalam mengimbangi agihan kekayaan dan memastikan pembangunan ekonomi yang inklusif. Dalam konteks Malaysia, zakat perniagaan menjadi medium penting bagi menyantuni golongan asnaf, memperkukuh daya tahan ekonomi masyarakat serta menyokong pembangunan usahawan Muslim.

Antara kesan utama pelaksanaan zakat terhadap peniaga Muslim ialah pembaikan aliran tunai dan peningkatan kuasa beli masyarakat. Zakat diagihkan kepada golongan asnaf membantu memenuhi

keperluan asas mereka, seterusnya meningkatkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan di pasaran.

Situasi ini sebenarnya secara tidak langsung dapat merangsang pertumbuhan perniagaan dan kestabilan ekonomi negara.

Selain itu, institusi zakat di negara ini turut berperanan aktif dalam memperkasa usahawan Muslim melalui bantuan modal, latihan keusahawanan, bimbingan profesional dan sokongan pemasaran.

Sebagai contoh, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN) melaksanakan pelbagai inisiatif seperti memberi bantuan modal perniagaan, menyediakan latihan dan kursus keusahawanan, memberi penyediaan peralatan dan infrastruktur, menjalankan program mentoring dan menawarkan skim pembiayaan mikro dan sokongan jaringan industri.

Usaha ini membuktikan bahawa zakat bukan sekadar bantuan bersifat kebajikan, tetapi pelaburan sosial strategik untuk melahirkan usahawan dan peniaga yang berdaya saing dan berdikari.

Pelaksanaan zakat juga memberi kesan positif terhadap akhlak dan moral peniaga Muslim. Kesedaran bahawa sebahagian harta adalah hak

golongan lain menanamkan nilai amanah, empati dan tanggungjawab sosial. Nilai ini mendorong usahawan untuk berniaga secara jujur, beretika dan berintegriti, seterusnya meningkatkan produktiviti serta keberkatan keuntungan.

Zakat turut memainkan peranan penting dalam mengurangkan jurang kemiskinan dan ketidaksetaraan ekonomi, sekali gus mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih stabil, adil dan harmoni.

Sempena penghujung 2025, sudah tentu kita perlu mengingatkan Islam menggalakkan umatnya berlumba-lumba melakukan kebaikan, termasuk dalam menunaikan zakat dan sedekah.

Perkukuh ekonomi Muslim

Allah SWT berfirman: "Maka berlumba-lumbalah kamu dalam melakukan kebaikan." (Al-Baqarah: 148).

Ayat ini mengajar kita semua bahawa kejayaan sebenar bukan diukur semata-mata melalui keuntungan kewangan, tetapi melalui sejauh mana harta dimanfaatkan untuk kebaikan masyarakat. Rasulullah SAW juga bersabda: "Sebaik-baik manusia adalah orang yang paling bermanfaat kepada manusia lain." (HR Tabarani)

Dalam dunia perniagaan moden yang penuh persaingan, zakat menjadi pembeza antara kejayaan material dan kejayaan yang diberkati.

Secara keseluruhannya, zakat perniagaan memainkan peranan yang amat besar dalam memperkukuh ekonomi Muslim di Malaysia. Ia bukan sahaja membantu golongan memerlukan, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan usahawan, kestabilan pasaran dan keharmonian sosial.

Oleh itu, sempena menutup tirai Disember 2025, usahawan dan peniaga Muslim diseru untuk menilai semula kewajipan zakat perniagaan; menyegerakan pembayaran zakat sebelum berakhirnya haul, dan menjadikan zakat sebagai agenda tahunan yang terancang dan berdisiplin.

Firman Allah SWT: "Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai zakat, supaya dengannya engkau membersihkan dan menyucikan mereka." (Al-Taubah: 103)

Moga setiap ringgit yang dizakatkan menjadi saksi ketaanan kepada Allah SWT, pemangkin keberkatan rezeki, serta bekalan amal yang berpanjangan menuju akhirat.

“Zakat turut memainkan peranan penting dalam mengurangkan jurang kemiskinan dan ketidaksetaraan ekonomi, sekali gus mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih stabil, adil dan harmoni”

